# Zuraida dengar keluhan pemohon PPR Permatang Tok Suboh

**Bernama | Oktober 16, 2019 19:06 MYT**



Zuraida berkata pihak kerajaan negeri tidak mendapat maklumat berhubung permohonan yang dibuat oleh kumpulan penduduk terbabit berikutan permohonan mereka dibuat melalui PERDA. - Gambar fail

**BUKIT MERTAJAM**: Suasana sekitar Majlis Pelancaran dan Penyerahan Surat Tawaran Program Perumahan Rakyat (PPR) Permatang Tok Suboh, di sini hari ini kecoh apabila lebih 50 orang yang mendakwa penduduk asal Kampung Permatang Tok Suboh tidak berpuas hati selepas mendapati nama mereka tiada dalam senarai penerima perumahan itu.

Wakil penduduk terlibat, Rosli Sukor, 43, berkata mereka bertambah berang apabila mendapati kebanyakan penerima PPR itu bukan penduduk asal kampung tersebut.

"Kami sebagai anak jati Kampung Tok Suboh kecewa tidak dapat rumah. Kami berdoa siang malam untuk dapat rumah kos rendah ini tetapi mereka bagi kepada orang luar. Siapa yang tak sedih anak jati Tok Suboh tidak dapat.

"Kami juga ada membuat permohonan perumahan ini melalui PERDA (Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang) enam bulan lalu tetapi malangnya nama kami tidak tersenarai hari ini," katanya kepada pemberita.

Terdahulu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin menyerahkan surat tawaran Skim Perumahan Secara Sewa Beli PPR Permatang Tok Suboh kepada 20 penerima program perumahan itu pada majlis itu.

Kumpulan penduduk itu kemudiannya ditenangkan oleh pegawai Zuraida dan memaklumkan menteri itu akan mengadakan pertemuan dengan mereka selepas majlis tamat.

Sementara itu, pada sidang media, Zuraida berkata pihak kerajaan negeri tidak mendapat maklumat berhubung permohonan yang dibuat oleh kumpulan penduduk terbabit berikutan permohonan mereka dibuat melalui PERDA.